



Lembaga Minyak Sawit Malaysia

MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

NOTIS PEMBERITAHUAN

PEMBEKUAN SEMENTARA LESEN KATEGORI PENIAGA BUAH KELAPA SAWIT (DF)

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-128 bertarikh 24 Julai 2023 telah memperaku lulus pembekuan sementara pengeluaran lesen kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) oleh MPOB.

Pembekuan ini berkuatkuasa mulai 15 Ogos 2023 sehingga 31 Disember 2023.

Pembekuan adalah ke atas permohonan lesen baharu merangkumi pengambilalihan dan pindaan butiran lesen yang melibatkan pindah premis berlesen.

Pembekuan ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa semua pihak yang terlibat dalam rantaian urusniaga buah kelapa sawit berjalan dengan lancar dan mengamalkan etika perniagaan yang adil dan telus serta mewujudkan persaingan secara sihat dan sama rata.

Pembekuan ini juga membolehkan MPOB membuat pindaan ke atas kriteria permohonan lesen kategori DF dan polisi pelesenan MPOB sebagaimana yang telah diluluskan oleh Lembaga.

Walau apapun, semua permohonan lesen kategori DF yang diterima sebelum 15 Ogos 2023 diproses mengikut kriteria dan polisi pelesenan MPOB yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, harap maklum.